

Bangsa Malaysia harus kawal nafsu

FOTO: BERNAMA

Dunia akan lebih menghormati negara yang anti budaya rasuah

IZYAN LIYANA MOHD DARIF

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yakin dunia akan menghormati negara ini sekiranya bangsa Malaysia berjaya melawan nafsu daripada melakukan perkara yang tidak baik.

Beliau berkata, apabila Malaysia dikenali sebagai rakyat yang kuat menolak nafsu maka secara tidak langsung negara akan mendapat kepercayaan pelbagai pihak di seluruh dunia.

“Menerusi kepercayaan ini kita bakal memperoleh banyak manfaat dan peluang dalam melakukan segala-galanya.

“Ini termasuklah peluang kenaikan pangkat kerana hanya orang yang berjaya menolak nafsu akan dipercayai dalam kalangan pegawai dan pemimpin ketika melakukan urusan harian,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Perhim-



Warga Jabatan Perdana Menteri mendengar ucapan Dr Mahathir pada sesi perjumpaan di Dataran Perdana di Bangunan Perdana Putra semalam.

punan Bulanan Bersama Warga Jabatan Perdana Menteri di sini semalam.

Dalam pada itu, Dr Mahathir turut menasihatkan supaya umat Islam mengamalkan sikap mengawal nafsu sepanjang bulan Ramadan.

“Nafsu sentiasa mendorong manusia melakukan perkara dilarang dan tidak baik untuk diri sendiri. Jika ia gagal dikawal kesannya kita akan berdepan banyak masalah.

“Sebagai contoh, sekiranya tidak mampu melawan nafsu di kala dihulurkan rasuah, maka

kita akan menjadi manusia lemah memandangkan rasuah merupakan gejala yang tidak baik dan dilarang agama,” tegasnya.

Jelas beliau, orang lemah tidak mungkin berjaya kerana kejayaan hanya milik individu yang kuat khususnya dalam melawan nafsu.

“Sehubungan itu, berpuasa bukan untuk mendapat ganjaran pahala semata-mata tetapi, ibadah ini melatih dan membentuk keperibadian kita ke arah yang lebih baik serta berdisiplin,” ujarnya.

Dr Mahathir berkata, beliau yakin semua umat Islam akan faham tujuan puasa, bukan semata-mata untuk mendapat pahala tetapi akan menjadikan orang Islam itu manusia yang baik dan boleh dipercayai.

Bagi orang bukan Islam, katanya sudah tentu mereka tahu sebab umat Islam berpuasa kerana mereka juga mempunyai amalan berpuasa yang berlainan.

“Tetapi tujuannya tetap sama iaitu untuk mengawal diri daripada perbuatan yang dilarang,” katanya.